

Hubungan Penghargaan Kendiri, Resilien, Sikap Asertif dan Kempimpinan dalam kalangan “Mat Rempit” di Lembah Klang

(Relationships between Self-Esteem, Resilience, Assertiveness and Leadership among “Mat Rempit” in Klang Valley)

Mohd Suhaimi Mohamad¹,

Nasrudin Subhi*^{1,2},

Daniella M. Mokhtar^{1,2}

¹*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

²*Pusat Pemerkasaan Remaja, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

*Corresponding e-mail: [nas2572@ukm.edu.my]

Youth faces drastic changes in their psychological, biological and social development. The involvement of adolescents in reckless motorcycle riding also known as ‘rempit’ is a social phenomenon that reflects devian behavior. Various programs have been carried out on prevention and recovery from various sectors. However, reckless motorcycle riding still occurs within our society and it has now grown to become a current trend among male youth especially those that are school dropouts to become ‘Mat Rempit’. This paperwork sets out to measure the level of self-esteem, resilience, assertiveness and leadership. A quantitative design was applied in this field study. Sample recruitment were carried out via snowballing based on purposive sampling. A total of 30 youths between the age of 16 and 25 were recruited into the youth empowerment camp. Results show a significant relationship between self-esteem, resilience, assertiveness and gang leadership. There was a significant difference in terms of self-esteem ($t=3.1, p<0.05$) before and after the camp was carried out. Research implications were further discusses based on the impact towards the camp participants, their family, the social development of the youth and the improvement of the empowering youth-at-risk module. It is hoped that through this youth empowerment camp, participants have the potential to change risky behaviours to positive behaviours in order to contribute towards self-development and the well-being of their family.

Keywords: youth-at-risk, self-esteem, resilience, assertiveness, leadership

Remaja adalah aset yang akan menentukan kemajuan masa depan negara. Pembangunan program remaja adalah penting untuk negara dalam pelbagai cara kerana kesejahteraan hidup remaja boleh dianggap sebagai petunjuk utama kepada

kemakmuran negara. Sebaliknya, jika remaja terjebak dengan pelbagai masalah sosial menjadikan mereka sebagai golongan yang tidak matang yang sentiasa mencabar norma-norma kemasyarakatan. Walaupun golongan remaja dianggap penting dalam kemajuan sesebuah negara, ada ketikanya mereka terpinggir dan dikecualikan daripada mengambil

bahagian sepenuhnya dalam masyarakat dan institusinya. Apatah lagi, apabila mereka yang mempunyai pengalaman hidup negatif dan berkecenderungan bergelut dengan masa, ruang, sumber dan pembentukan identiti. Mereka juga sering mempamerkan tingkah laku anti-sosial.

Zaman remaja merupakan satu tahap perkembangan yang penting dalam kesemua tahap kehidupan individu (Brockman, 2013). Zaman ini merupakan satu jangka masa peralihan dari zaman kanak-kanak untuk menyediakan diri memasuki ke alam dewasa. Zaman ini merupakan satu proses transisi di mana peralihan masa yang pantas dan bergelora berbanding tahap-tahap perkembangan hidup lain (Brockman, 2013). Walaupun peralihan melalui zaman remaja tidak dapat dielakkan, kepantasan dan tahap perubahan ini membebankan kebolehan kebanyakan remaja untuk menanganinya (Aishah@Esah, 2013; Gouws, 2014; Hudley, 2016) dan akibatnya fenomena tekanan dalam kalangan remaja menjadi fokus banyak kajian (Wahab et al., 2013).

Kegagalan untuk mengaplikasikan diri dengan baik dalam zaman remaja boleh menyebabkan tingkah laku devian. Kajian mendapati bahawa tahap penghargaan sendiri, resilien, tingkah laku asertif dan kepimpinan yang rendah adalah sebahagian daripada ciri-ciri individu yang dikenal pasti terlibat dalam gejala rempit. Berasaskan cabaran keperluan ini, maka, Modul Pemeraksanaan Diri ini dibangunkan berasaskan kepada empat komponen psikologi iaitu penghargaan sendiri, resilien, tingkah laku asertif dan kepimpinan. Keempat-empat komponen ini diperlukan dalam pemeraksanaan remaja yang terlibat dengan gejala rempit. Fasilitator yang mengendalikan modul ini terdiri daripada pakar-pakar terlatih dalam bidang kaunseling dan kerja sosial. Bersandarkan pengalaman dan kemahiran yang dimiliki, fasilitator berupaya membimbing peserta mencapai objektif

Modul Pemeraksanaan Diri ini. Keempat-empat komponen psikologi adalah menjadi elemen penting untuk membuat perubahan tingkah laku remaja. Pembangunan pemeraksanaan diri ini bermula dengan pencapaian penghargaan sendiri yang positif yang membentuk tingkah laku asertif. Tingkah laku asertif bercirikan sikap yang positif dan progresif. Perolehan tingkah laku resilien memberi impak besar kepada tunjang kepimpinan remaja cemerlang dalam menggapai impian hidup.

Konsep penghargaan sendiri merupakan penilaian yang dibuat oleh seseorang terhadap dirinya berkaitan dengan kebolehan diri, tingkah laku dan perwatakan diri (Woolfolk et al., 2012). Penghargaan sendiri dibentuk melalui perasaan yang dipelajari dan pemikiran positif yang mencerminkan satu sikap positif tentang kebolehan diri. Manakala, resilien merujuk kepada proses dinamik yang merangkumi penyesuaian positif dalam konteks kesukaran. Resilien bermaksud kebolehan untuk bangkit semula selepas menghadapi kesusahan (Resnick, 2000). Resilien merangkumi kebolehan sosial seperti kebolehan bekerjasama dan kemahiran komunikasi, empati dan hormat. Selain itu, tingkah laku asertif dirujuk sebagai pola interaksi antara individu untuk melahirkan hasrat hati, kehendak dan pendapat yang berkesan sesuai dengan nilai dan norma yang terdapat dalam masyarakat. Gerak balas asertif akan melahirkan tingkah laku yang bersesuaian dengan menghormati kehendak sendiri dan orang lain. Kepimpinan pula adalah berkaitan dengan penetapan dan bukan hanya tindak balas terhadap sesuatu isu, tetapi juga mengenal pasti masalah dan mencetus perubahan yang membawa penambahbaikan yang ketara. Kepimpinan berkesan adalah berkebolehan untuk mengintegrasikan dengan jayanya dan memaksimumkan sumber-sumber yang ada dalam persekitaran dalaman dan luaran untuk mencapai

matlamat organisasi atau masyarakat (Lopez-Ibor et al., 2013).

Pembentukan identiti merupakan satu cabaran yang diharungi oleh seseorang remaja pada fasa remaja (Erikson, 1995). Menurut beliau, remaja lazimnya tertanya-tanya tentang identiti dan hala tuju hidup mereka. Keadaan ini menimbulkan konflik kepada remaja untuk menyelesaikan persoalan tentang identiti diri dan matlamat hidup. Sekiranya seseorang remaja berjaya mengenali diri mereka dan membuat keputusan yang waras tentang pemilihan identiti diri, maka, remaja tersebut dapat memenuhi tuntutan perkembangan fasa remaja dengan baik seperti yang dijangka oleh masyarakat (Erikson, 1995). Sebaliknya, sekiranya seseorang remaja tidak dapat mengenal pasti identiti diri, mereka akan mengalami kekeliruan atau konflik identiti, lantas, remaja tersebut gagal dalam menyelesaikan cabaran dalam fasa perkembangan remaja. Situasi ini menjadikan remaja kurang mencapai tahap penghargaan sendiri yang baik. Konsep-konsep yang berkaitan dengan penghargaan sendiri termasuklah imej sendiri, persepsi sendiri dan konsep sendiri. Dalam proses pencarian dan pembentukan sendiri, seseorang remaja memerhatikan nilai diri dari segi pelbagai aspek dalaman dan luaran mereka. Maka, konsep penghargaan sendiri merujuk kepada bagaimana seseorang seseorang itu menentukan nilai diri dan membentuk sistem rujukan dalaman diri tentang harga diri. Penghargaan sendiri yang tinggi adalah penting dalam mencapai kesejahteraan hidup seorang remaja.

Apabila seseorang remaja itu terlibat dengan tingkah laku berisiko, mereka dikatakan rentan untuk terlibat dengan gejala sosial dan ianya mempengaruhi penghargaan diri remaja (Favara & Sanchez, 2017). Namun begitu, penghargaan sendiri juga mampu mempengaruhi kecenderungan remaja untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko (Jackman & MacPhee, 2015). Tingkah

laku berisiko remaja adalah seperti penyalahgunaan dadah, ketagihan alkohol, perhubungan seks bebas dan menunggang motorsikal dalam situasi yang berbahaya. Di Malaysia, penunggang motorsikal yang cuai, agresif dan mengancam keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain serta tidak mengikut norma dan peraturan jalan raya digelar sebagai “Mat Rempit”. Rozmi Ismail (2008) mengatakan bahawa “Mat Rempit” adalah nama jolokan yang diberi kepada para penunggang motosikal secara laju, berlumba secara haram dan mengganggu ketenangan orang awam serta melakukan kekecohan. Keterlibatan remaja dengan tingkah laku berisiko ini menyebabkan mereka sukar untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan dan lazimnya meragui keupayaan sendiri mereka. Keadaan ini sekali gus menyebabkan harga diri mereka tergugat. Seterusnya mereka mungkin memilih jalan pintas untuk menyelesaikan masalah dengan cara yang negatif dan tidak sihat. Hanya remaja yang mempunyai tahap resilien yang tinggi sahaja mempunyai kecenderungan untuk menyelesaikan masalah kehidupan mereka (Veselska et al., 2009).

Resilien adalah daya tahan individu yang anjal dalam memanifestasikan kecekapan dalam menguruskan permasalahan dan kesukaran hidup (Ghimbulut & Opre, 2013). Kanak-kanak, remaja dan orang dewasa mempunyai potensi untuk membangunkan daya tahan dalam diri mereka (Albuquerque et al., 2014). Resilien juga adalah penting dalam meningkatkan keupayaan individu dalam menanggung, mengurus dan menyelesaikan masalah sekiranya mengalami masalah sosial (Perreira et al., 2019). Terdapat dua sumber yang menjadi tanggung kepada daya tahan seseorang individu iaitu sumber dalaman dan luaran. Sumber luaran adalah daripada keluarga, komuniti, sekolah dan persekitaran sosial, manakala, sumber dalaman adalah kecekapan sendiri, emosi, pergaulan

sosial, penghargaan sendiri dan autonomi (Albuquerque et al., 2014). Dalam aspek yang lain, resilien membawa seorang remaja kepada tingkah laku adaptif, pemulihan, belajar dalam kesukaran atau kemampuan seseorang dalam melepaskan diri daripada tingkah laku berisiko, berkembang maju, menghadapinya dan respons terhadap pelbagai tekanan dengan baik (Marici, 2014). Resilien perlu ada dalam diri seorang remaja yang telah terlibat dengan gejala rempit bagi memastikan mereka berupaya menggunakan pelbagai strategi daya tindak untuk menghasilkan tindakan yang positif dalam mengubah gaya hidup mereka supaya lebih sejahtera (Zolkoski & Bullock, 2012).

Selain itu, remaja yang terlibat dengan tingkah laku berisiko dikatakan mudah dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan mempunyai tahap asertif yang rendah. Tingkah laku asertif adalah ciri-ciri personaliti yang amat diperlukan untuk membantu diri untuk mengharungi cabaran hidup yang kompleks (Demirbilek & Otrar, 2015). Cabaran-cabaran ini menjadikan seseorang itu lebih terdedah kepada pelbagai dugaan dan rintangan hidup. Untuk menjadi seseorang remaja yang mempunyai jati diri yang kukuh, maka, tahap asertif hendaklah tinggi. Seseorang remaja yang mempunyai sikap dan tingkah laku asertif akan dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan dan diterima oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, penghargaan sendiri berkait rapat dengan tingkah laku asertif (Popoola et al., 2018). Perlakuan asertif seseorang remaja bermula dari kesedaran terhadap kelemahan tingkah laku diri sendiri sebelum dapat mengubahnya supaya tidak menyusahkan orang lain atau keluarga sendiri. Sikap dan tingkah laku asertif ini boleh membantu remaja yang terlibat dengan tingkah laku berisiko untuk menjadi lebih fokus dan jelas dengan apa yang mereka mahukan dalam kehidupan tanpa melukakan hati orang lain atau

merampas hak-hak orang lain. Sikap asertif adalah berlawanan dengan sifat agresif dan sikap pasif yang selalunya ditonjolkan oleh golongan Mat Rempit yang dikatakan mudah bertindak agresif apabila dicabar. Tingkah laku agresif adalah sifat yang perlu dielakkan oleh remaja kerana ia mendorong remaja bersikap melulu dan melanggar hak-hak orang lain dengan memanipulasi situasi yang dihadapi ke arah kepentingan diri sendiri atau kumpulan sosial mereka.

Isu remaja yang terlibat dengan gejala rempit bukanlah dilema individu perseorangan tetapi ianya melibatkan pergolakan masalah secara berkumpulan. Kebanyakan remaja yang terlibat dengan tingkah laku berisiko selalunya mempunyai 'gang' atau kumpulan sosial tersendiri untuk mencapai objektif bersama. Ini adalah bagi memenuhi tuntutan ke arah pembentukan modal sosial dalam diri remaja. Modal sosial adalah suatu konstruk dalam pembentukan jati diri seseorang remaja. Remaja juga cenderung menjadikan rakan sebagai modal sosial akrab buat mereka, justeru, pemilihan rakan penting dalam menentukan keperibadian dan jati diri seseorang (Chong et al., 2020). Pergerakan geng Mat Rempit ditentukan oleh seorang pemimpin yang dilantik secara kolektif disebabkan oleh kehebatan seseorang itu dan dijadikan *role model* kepada remaja lain (Rozmi Ismail, 2008). Isunya, jika nilai yang negatif dibawa oleh seorang pemimpin dalam kepimpinannya, maka, semua ahli geng itu akan mempunyai sikap yang negatif juga. Kepimpinan merupakan satu tindakan atau perlakuan untuk mengetahui sesuatu dan ia sesuatu yang boleh dipelajari dan diperbaiki (Amiruddin, 1990). Kepimpinan diperlukan untuk membawa sekumpulan individu untuk mencapai matlamat ataupun tujuan dan nilai-nilai yang mereka anggap berguna (Razali, 1993). Kepimpinan adalah satu proses yang dinamik, berbeza daripada satu suasana ke satu suasana yang lain dan bergantung kepada pemimpin,

pengikut, persekitaran dan struktur kelompok (Jamilah & Lambak, 2001). Kepimpinan dalam konteks remaja boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kepimpinan dalaman dan luaran. Kepimpinan dalaman boleh bermula dengan diri remaja itu sendiri untuk memotivasi diri dalam pencapaian matlamat manakala kepimpinan luaran adalah kebolehan seorang remaja itu mempengaruhi orang lain seperti ahli keluarga, kumpulan dan organisasi ke arah pencapaian matlamat bersama.

Justeru itu, berdasarkan empat komponen teras psikologi remaja yang dibincangkan maka kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap setiap komponen psikologi dan sejauh mana hubungannya di antara satu sama lain dalam memperkasakan golongan Mat Rempit yang terlibat dengan kem intervensi PERKASA@remaja.

Metod

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Responden kajian ini terdiri daripada remaja yang terlibat dengan gejala rempit. Mereka dikenal pasti melalui kaedah *snow balling* di mana penyelidik mengenal pasti ketua kumpulan dan meminta kerjasamanya untuk mengenal pasti ahli kumpulan yang lain yang berminat untuk menyertai kem intervensi ini. Kem intervensi PERKASA@remaja dijalankan selama 30 hari di mana semua responden kajian diwajibkan berada di Kem PULAPOT Wangsa Maju, Kuala Lumpur bagi mengikuti semua modul intervensi yang disediakan.

Modul Pemerksaan Diri remaja dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan modul sedia ada di mana proses pemurnian dan penilaian semula kandungan modul dilakukan melalui maklum balas keberkesanan modul daripada peserta dan pihak PERMATA selaku penaja utama kepada program PERKASA@remaja.

Akhirnya, terdapat 4 komponen asas psikologi intervensi remaja yang dibentuk iaitu 1) penghargaan sendiri, 2) resilien, 3) asertif dan 4) kepimpinan. Kesemua sub-modul ini dibentuk berdasarkan data sekunder iaitu kajian literatur dan laporan pengendalian kem PERKASA@remaja yang lepas. Kemudian, setiap sub-modul diukur oleh instrumen yang sedia ada yang telah diadaptasikan untuk remaja yang mengikuti kem intervensi. Proses *back translation* instrumen turut dilakukan ke atas keempat-empat soal selidik yang digunakan dalam modul ini.

Proses pengumpulan data dilakukan oleh penyelidik dan menggunakan bantuan fasilitator yang telah diberi latihan TOT Modul Pemerksaan Diri remaja. Semua fasilitator yang terpilih untuk menjadi enumerator kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling) dan seorang pelajar Sarjana Muda Sains Sosial (Psikologi). Enumerator telah diberi latihan dan menjalani sesi *briefing*. Kaedah pelaksanaan modul adalah berbeza-beza mengikut sub-modul, di mana terdapat intervensi dalam kumpulan besar dan kumpulan kecil. Kumpulan besar melibatkan semua peserta, manakala, kumpulan kecil terdiri daripada 10 orang setiap kumpulan. Setiap kumpulan kecil dibimbing oleh dua orang fasilitator yang tetap untuk kesemua empat-empat sub-modul yang dilaksanakan.

Semua responden kajian ini diberikan satu set soal selidik sebelum kem intervensi dimulakan bagi melihat tahap pengetahuan dan pengalaman mereka berdasarkan item yang diukur. Kemudian, selepas tamat modul, responden dikehendaki menjawab sekali lagi satu set soal selidik yang mengandungi sub-skala pengukuran yang sama bagi tujuan pra-ujian dan pos-ujian. Kedua-dua set data ini penting bagi melihat keberkesanan modul pemerksaan sendiri remaja yang terlibat dengan gejala rempit. Kesemua data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21.

Responden Kajian

Sejumlah 30 Mat Rempit telah berjaya direkrut sebagai responden menggunakan teknik bebola salji (Jadual 1). Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini telah memenuhi kriteria pemilihan. Jadual 1 menunjukkan bahawa kesemua responden yang terlibat dalam kem intervensi ini adalah lelaki dan berbangsa Melayu. Dari segi umur, sebanyak 56.7 peratus responden adalah berumur 18 tahun ke bawah. Manakala, berdasarkan kepada tahap pendidikan, didapati sebanyak 56.7 peratus responden mempunyai tahap pendidikan sekolah

menengah atas, diikuti dengan sekolah menengah rendah sebanyak 26.7 peratus dan hanya 6.6 peratus mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) serta terdapat 10 peratus responden yang hanya bersekolah rendah sahaja. Jika dilihat kepada status pekerjaan, hampir 47 peratus responden dalam kajian ini telah pun bekerja. Dari segi lokasi tempat tinggal pula, majoriti responden adalah berasal dari kawasan luar bandar dan hanya 23.3 peratus responden yang tinggal di bandar. Majoriti responden kajian ini mengakui mereka pernah mengalami kemalangan motosikal.

Jadual 1: *Maklumat Demografi Responden*

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratus
<i>Jantina</i>		
- Lelaki	30	100.0
<i>Bangsa</i>		
- Melayu	30	100.0
<i>Umur (tahun)</i>		
- 16 hingga 18	17	56.7
- 19 hingga 21	11	36.7
- 22 hingga 25	2	6.6
<i>Tahap Pendidikan</i>		
- Rendah	3	10.0
- Menengah Rendah	8	26.7
- Menengah Atas	17	56.7
- Sijil Kemahiran	2	6.6
<i>Status Pekerjaan</i>		
- Bekerja	14	46.7
- Tidak Bekerja	16	53.3

Hasil Kajian

Perbezaan Skor Min Ujian Pra dan Pos

Jadual 2 menunjukkan skor pencapaian responden dalam ujian pra dan pos ke atas keempat-empat pemboleh ubah yang dikaji. Daripada jadual tersebut, bagi sampel kajian ini (n = 30), min skor ujian pos skala penghargaan sendiri (M = 2.56, SD = 0.18, n = 30) lebih rendah daripada

min skor ujian pra (M = 2.76, SD = 0.32, n = 30). Keputusan ujian-t menunjukkan, min skor pencapaian ujian pra adalah berbeza secara signifikan ($t(29) = 3.16, p < 0.05$) dengan perbezaan min sebanyak 0.20. Selain itu, min skor ujian pos skala resilien dan skala asertif juga lebih rendah daripada min skor ujian pra tetapi keputusan ujian-t tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Manakala, min skor ujian pos skala kepimpinan (M =

2.85, SD = 0.44, n = 30) lebih tinggi daripada min skor ujian pra (M = 2.72, SD = 0.43, n = 30). Walau bagaimanapun,

keputusan ujian-t tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan pada nilai $p < 0.05$.

Jadual 2 : Skor Pencapaian Responden dalam Ujian Pra dan Pos

	Min	Std. Dev.	Min Std. Error	Ujian t	df	Nilai p
<i>Penghargaan Kendiri</i>						
Ujian Pra	2.760	0.323	0.059	3.16	29	0.004*
Ujian Pos	2.563	0.183	0.033			
<i>Resilien</i>						
Ujian Pra	4.711	0.953	0.174	0.98	29	0.923
Ujian Pos	4.693	1.031	0.188			
<i>Asertif</i>						
Ujian Pra	2.825	0.361	0.066	1.16	29	0.255
Ujian Pos	2.758	0.311	0.057			
<i>Kepimpinan</i>						
Ujian Pra	2.721	0.434	0.079	-1.74	29	0.093
Ujian Pos	2.845	0.435	0.079			

Notes. * $p < .05$., ** $p < 0.001$

Hubungan Korelasi

Apabila ujian korelasi dijalankan ke atas keempat-empat pemboleh ubah kajian ini, didapati hanya faktor resilien yang mempunyai hubungan positif yang sederhana ($r = 0.714$, $p < 0.001$) dengan faktor kepimpinan (Jadual 3). Manakala, wujud hubungan positif yang lemah ($r =$

0.292 , $p < 0.05$) antara faktor resilien dengan faktor asertif. Namun, faktor penghargaan sendiri dilihat tidak mempunyai sebarang hubungan yang signifikan sama ada pada nilai $p < 0.05$ atau nilai $p < 0.001$ dalam kajian ini.

Jadual 3: Hubungan Korelasi antara Pemboleh ubah

	Penghargaan Kendiri	Resiliensi	Asertif	Kepimpinan
Penghargaan Kendiri	1.000	0.295	-0.191	0.292
Resiliensi		1.000	0.259*	0.714**
Asertif			1.000	0.135
Kepimpinan				1.000

Notes. * $p < .05$., ** $p < 0.001$

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Kebanyakan responden dalam kajian ini berasal dari kawasan luar bandar iaitu di sekitar Kuala Selangor dan hanya satu per empat sahaja daripada mereka yang

sememangnya tinggal di bandar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan remaja yang merempit adalah mereka yang tinggal di luar bandar dan kemungkinan mereka ini adalah golongan Mat Rempit yang tidak bekerja atau pun

tiada pekerjaan yang tetap. Jika diteliti dari segi umur, hampir 60 peratus remaja di bawah umur telah pun terjebak dengan aktiviti merempit, malah, apabila dilihat secara spesifik terdapat 4 orang responden yang berumur 16 tahun sudah pun menjadi 'Mat Rempit'. Bagaimana keadaan ini boleh terjadi? Ini kerana menurut pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) had kelayakan umur untuk mendapatkan lesen memandu (motosikal) di Malaysia adalah 16 tahun. Namun begitu, kesemua responden didapati masih tiada lesen motosikal tetapi telah pun menunjukkan tingkah laku berisiko dengan menunggang motosikal secara berbahaya apabila merempit. Malah hampir dua per tiga remaja ini telah terlibat dengan kemalangan jalan raya akibat menaiki motosikal secara melulu. Keadaan ini amat merisaukan semua pihak terutamanya ibu bapa kerana golongan remaja lelaki diberi pengharapan yang lebih tinggi berbanding remaja perempuan untuk menjadi pemimpin keluarga dan negara pada masa akan datang (Rozmi Ismail, 2008).

Menurut Erikson (1995), kebanyakan remaja sedang melalui fasa transisi dalam tahap perkembangan psikososial mereka yang menjadikan mereka berkonflik di antara identiti dengan industri. Dalam erti kata lain, responden dalam kajian ini sedang melalui dilema untuk mencari identiti diri dan mudah tertarik untuk bekerja mendapatkan duit. Tidak hairanlah jika ramai di antara Mat Rempit tidak berminat untuk bersekolah dan membuat keputusan untuk bekerja sama ada kerja tetap ataupun sementara asalkan mereka mendapat sumber kewangan untuk memenuhi keperluan peribadi mereka. Selain itu, kemungkinan ketiadaan aktiviti yang menarik minat mereka apabila tinggal di kawasan luar bandar menyebabkan mereka terjebak dengan gejala rempit yang dirasakan satu aktiviti yang 'menyeronokkan' dan berupaya melepaskan perasaan tertekan yang mereka

sedang alami akibat dilema hidup atau kecelaruan identiti tersebut.

Berdasarkan hasil kajian ini juga, didapati skor min skala penghargaan sendiri remaja Mat Rempit yang terlibat semakin menurun jika dibandingkan skor pencapaian mereka dalam ujian pra dan pos. Kenapa keadaan ini boleh berlaku? Walhal, kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini telah pun memberikan kebenaran secara sukarela untuk mengikuti kem intervensi ini. Salah satu punca yang mungkin terjadi adalah semasa proses merekrut responden terdapat pelbagai imbuhan yang dijanjikan oleh pihak penganjur kem untuk menarik minat mereka bagi menyertai kem PERKASA@ remaja ini. Pihak penganjur kem iaitu sebuah kelab motosikal ternama di Selangor telah dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti golongan Mat Rempit sebagai kelompok sasaran kem intervensi ini. Namun, apabila peserta sudah terlibat selama 3 minggu dalam kem ini, tahap penghargaan sendiri mereka menjadi rendah apabila mereka diwajibkan mengikuti modul pembelajaran sosial yang sangat komprehensif iaitu yang melibatkan empat modul utama iaitu Modul Penerokaan Kendiri, Modul Pengurusan Diri, Modul Pemerkasaaan Diri dan Modul Kerohanian. Skala penghargaan sendiri berada dalam modul pemerkasaaan sendiri dan kemungkinan remaja merasa rendah diri selepas modul ini akibat pendedahan aktiviti sebab-akibat dari sesuatu perlakuan devian. Aktiviti pelaksanaan dalam skala tersebut adalah melalui pendekatan media menggunakan video yang dipertontonkan kepada remaja dan membuatkan mereka rasa menyesal dengan apa yang berlaku atau yang bakal berlaku sekiranya tingkah laku negatif mereka tidak diubah. Menurut Woolfolk et al. (2012), penilaian yang dibuat oleh seseorang individu terhadap dirinya bergantung kepada tingkah laku yang ditonjolkan sama ada positif atau negatif adalah mempengaruhi tahap penghargaan sendiri mereka sendiri.

Walaupun begitu, hasil kajian ini turut mendapati bahawa skala resilien atau ketahanan diri remaja sangat berkait rapat dengan skala asertif dan kepimpinan diri remaja itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai tahap ketahanan diri yang tinggi akan menjadi lebih asertif dan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menjadi pemimpin dalam sesebuah kumpulan rakan sebaya. Jadi dalam konteks kajian ini, kepimpinan berkumpulan dalam aktiviti merempit adalah sangat penting dalam menentukan tahap resilien remaja dan ianya menjadi struktur asas pembentukan kumpulan Mat Rempit (Jamilah & Lambak, 2001; Rozmi Ismail, 2008). Oleh itu, kaedah bebola salji yang digunakan dalam mendapatkan responden kajian turut membuktikan bahawa wujudnya daya kepimpinan yang tinggi dalam diri responden apabila mereka berjaya mengenal pasti rakan-rakan mereka yang sebaya untuk terlibat sebagai peserta 'Kem Intervensi PERKASA@ remaja'. Malah, aktiviti berbentuk kem sebenarnya merapatkan lagi hubungan sesama ahli kumpulan dan ini sekali gus menjadikan mereka lebih berdaya tahan atau resilien dalam diri mereka.

Justeru itu, pendekatan kem intervensi yang telah dijalankan oleh program PERKASA@remaja kepada remaja yang berisiko yang terlibat dengan aktiviti merempit dilihat telah memberi kesan yang positif kepada perkembangan diri remaja. Ia turut sebagai usaha untuk meningkatkan 23 aset positif yang telah dikenal pasti oleh kajian PERKASA terdahulu dalam usaha memperkasa remaja berisiko (Nor Ba'ayah et al. 2012) . Pihak kerajaan sebenarnya telah berjaya membuat modifikasi tingkah laku kepada golongan remaja yang berisiko dan menjadikan mereka lebih positif dan produktif kerana selepas penyertaan kem intervensi, remaja diberi bimbingan untuk memantapkan minat kerjaya yang mereka ingin ceburi. Berdasarkan maklum balas remaja yang

telah mengikuti kem ini, mereka menjadi lebih bermotivasi untuk mengubah kehidupan mereka dan kembali menyumbang kepada keluarga dan masyarakat setempat. Mereka turut dilihat berusaha keras untuk mencari pekerjaan selain berminat untuk menyambung pelajaran (Mohd Suhaimi et al., 2019). Maka, usaha pihak kerajaan melalui Program PERKASA@ remaja sebenarnya telah mencapai objektif perlaksanaannya. Cuma, kos penganjuran kem intervensi bukanlah sesuatu yang murah dan boleh dilaksanakan dalam skala yang besar kerana terdapat pelbagai aspek psikososial yang perlu diberi perhatian dan dititikberatkan dalam melakukan pencegahan dan pemulihan remaja yang berisiko seperti Mat Rempit. Selain itu, keperluan remaja yang berisiko perlu diberi keutamaan bagi memastikan mereka tidak terus terpinggir dari arus pembangunan negara dan pendekatan inklusi sosial amat perlu dalam intervensi kumpulan marginal seperti Mat Rempit ini. Pendekatan *bottom-up* boleh dilakukan sekiranya pihak kerajaan ingin memastikan pemerikasaan golongan remaja berisiko ini dapat dijalankan secara holistik dan berterusan di semua peringkat masyarakat. Selain itu, keadah pelaksanaan intervensi juga perlu lebih memberi penumpuan kepada pendekatan yang memfokus kepada kekuatan aset sedia ada pada kelompok sasaran dalam merangsang perubahan dalam diri mereka berbanding pendekatan menumpu kepada kelemahan diri yang perlu diperbetulkan (Suhaimi et al., 2019).

Kesimpulan

Modul Pemerikasaan Kendiri Remaja yang direka khas untuk remaja berisiko yang terjebak dengan gejala 'Mat Rempit' ini dilihat memberikan impak yang positif kepada perubahan tingkah laku remaja yang ingin kembali untuk membina kehidupan yang lebih bermakna kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan

negara. Pendekatan kem intervensi dalam pemerkasaan psikologi remaja berisiko adalah relevan untuk melatih remaja menjalani modifikasi tingkah laku dan berpeluang untuk membentuk jati diri yang lebih positif di samping mendapatkan pendedahan terhadap kemahiran hidup. Di harapkan melalui program ini, remaja berisiko menjadi modal sosial yang cemerlang dan berusaha untuk mengurangkan aktiviti merempit. Kesimpulannya, program ini dilihat dapat memulihkan remaja yang terbabit dengan merempit seterusnya berupaya membangunkan emosi, spiritual dan kemahiran mereka secara bersepadu bagi menjadi insan berkualiti dalam masyarakat.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Geran Penyelidikan PERKASA kod penyelidikan: PERKASA-2015-003. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM; Kem Pulapot Wangsa Maju dan semua yang telah terlibat dalam menayakan kajian ini.

Rujukan

- Albuquerque, C., Almeida, J., Cunha, M., Madureira, A. & Ana, A. (2014). Protective resilience factors in institutionalised Portuguese adolescents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 171, 276 – 283.
- Aishah@Esah, H. M. (2013). Perubahan sosial, kesihatan dan kualiti hidup di wilayah metropolitan Lembah Klang-Langat. *Akademika*, 83(1), 11–24.
- Aminuddin, M. Y. (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong, S. T., Norulhuda Sarnon@Kusenin, Nor Jana Saim, Fauziah Ibrahim, Denise Koh Choon Lian, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, Mohd Suhaimi Mohammad, Nasrudin Subhi, Khadijah Alavi, Mohd Nasir Selamat, Daniella Mokhtar. (2020). Social capital and youth development. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(4), 4181-4192.
- Brockman, J. (2013). *Thinking: The new science of decision-making, problem-solving, and prediction*. New York : Harper Perennial.
- Demirbilek, M., & Otrar, M. (2015). *Assertiveness and Self Esteem of Adolescents Who Have Single Parent*. Saarbrücken: LAP LAMBERT Academic Publishing.
- Erikson, E. H. (1995). *Childhood and society*. London: Vintage.
- Favara, M., & Sanchez, A. (2017). Psychosocial competencies and risky behaviours in Peru. *IZA Journal of Labor & Development*, 6(1), 1-40.
- Ghimbulut, O. & Opre, A. (2013). Assessing Resilience Using Mixed Methods: Youth Resilience Measure. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7, 8310 – 314.
- Gouws, E. (2014). *Adolescent*. Elsevier Science. Halifax, NS: Resilience Research Centre, Dalhousie University.

- Hudley, C. (2016). *Adolescent identity and schooling: Diverse perspectives*. New York : Routledge
- Jackman, D. M., & MacPhee, D. (2017). Self-esteem and future orientation predict adolescents' risk engagement. *The Journal of Early Adolescence*, 37(3), 339-366.
- Jamilah, O. & Lambak, T. (2001). *Modul kepimpinan* (edisi 1). IDEAL. UPM.
- Lopez-Ibor, J. J., Reneses, B., & López-Ibor, M.-I. (2013). What Makes a Leader? Skills and competencies. In D. Bhugra, P. Ruiz & S. Gupta. *Leadership in psychiatry*. (pp.13-33). New York, N.Y.: John Wiley & Sons Ltd.
- Marici, M. (2014). Some Psychometric Properties of the Family Domain in the "Adolescent Resilience Questionnaire". *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 187, 289 – 294.
- Mohd Suhaimi Mohamad, Rozita Ibrahim, Daniella M. Mokhtar & Nasrudin Subhi. (2019). Youth-to-youth engagement. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8(2S10), 2277-3878.
- Nor Ba'ayah Abdul Kadir, Samsudin A. Rahim, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Wan Amizah Wan Mahmud, Sheau Tsuey Chong & Nasrudin Subhi. (2012). Development of the self-report measures of assessing developmental assets among at-risk youth in Malaysia. *Child Adolesc Soc Work J.*, 29, 391–407.
- Perreira, K. M., Marchante, A. N., Schwartz, S. J., Isasi, C. R., Carnethon, M. R., Corliss, H. L., Kaplan, R.C., Santisteban, D.A., Vidot, D.C., Van Horn, L. & Delamater, A. M. (2019). Stress and resilience: key correlates of mental health and substance use in the Hispanic community health study of Latino youth. *Journal of immigrant and minority health*, 21(1), 4-13.
- Popoola, O. A., Opayemi, B. O., & Popoola, B. O. (2018). Peer relation, self-esteem and assertiveness among selected adolescents in Ilorin, Nigeria. *Nigerian Journal of Social Psychology*, 1(1).
- Razali M. Z. (1993). *Kepimpinan dalam pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Resnick, M. D. (2000). Resilience and protective factors in the lives of adolescents. *Journal of Adolescent Health*, 27(1), 1-2.
- Rozmi Ismail. (2008). Mat Rempit dan Gejala Perlumbaan Haram di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 22, 17-28.
- Veselska, Z., Geckova, A. M., Orosova, O., Gajdosova, B., van Dijk, J. P., & Reijneveld, S. A. (2009). Self-esteem and resilience: The connection with risky behavior among adolescents. *Addictive Behaviors*, 34(3), 287-291.
- Wahab, S., Rahman, F. N. A., Wan, H. W. M. H., Zamani, I. Z., Arbaiei, N. C., Khor, S. L., & Nawi, A. M. (2013). Stressors in secondary boarding school students: Association with stress, anxiety and depressive symptoms. *Asia-pacific Psychiatry*, 5, 82-89.

Woolfolk, A., Sarimah, S. A., Norma, S., Sharifah, F. S. I., & Wan, Z. W. D. (2012). *Psikologi pendidikan*. Sintok, Kedah: ITBM.

Zolkoski, S. M. & Bullock, L. M. (2012). Resilience in children and youth: A review. *Children and Youth Services Review*, 34, 2295–2303.